

UNIVERSITI MALAYA
(PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA)
KUALA LUMPUR

BK-MRD-019-E04

BORANG JAMINAN BANK / JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN / JAMINAN INSURANS
UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK BEKALAN / PERKHIDMATAN)

Sebagai balasan kepada Kontrak No. _____ yang dibuat antara Universiti Malaya yang diwakili oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Universiti Malaya") dan _____, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Petender") bagi membekal / menyerah / melaksana / menyiapkan _____, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Petender, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Universiti Malaya ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Universiti Malaya seperti berikut:

1. Apabila Universiti Malaya membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta-merta membayar kepada Universiti Malaya nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Petender atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit Malaysia: _____ (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM _____) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Universiti Malaya di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. Universiti Malaya berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit Malaysia : _____ (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM _____) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Universiti Malaya jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Petender dan Universiti Malaya sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Petender atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa dari _____ sehingga _____ (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran / penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Universiti Malaya dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Universiti Malaya berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit Malaysia: _____ (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan)(RM _____).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Universiti Malaya telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan Kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAHLAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk _____)
dan bagi pihak Penjamin _____) Nama: _____)
di hadapan _____) Jawatan: _____)
_____) (Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat
Insurans):

(Saksi)

Nama : _____
Jawatan: _____

(Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans)

CONTOH